

TASAWUR SOSIO-POLITIK ISLAM: SATU ANALISIS¹

Mohd Haidzir Bin Auzir²

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
Tel: 04-6534603 (Pej.) 016-4066399 (HP) Faks: 04-6532124
E-mail: alyhyder@ymail.com

ABSTRAK

Sosio-Politik Islam (SPI), merupakan satucabang ilmu membicarakan berkaitan masyarakat dan politik berdasarkan Islam. Secara khusus SPI diertikan sebagai satu cabang ilmu berkaitan perilaku politik atau tingkah laku politik berdasarkan Islam. Secara logiknya sesuatu bidang apabila membicarakan tentang Islam haruslah berteraskan tasawur Islam yang hakiki. Namun begitu bagi pemikiran Islam arus perdana SPI, percampuran antara tasawur Islam dengan komponen-komponen sosio-politik lazim (konvensional) dilihat menjadi pilihan dalam membentuk tasawur SPI dan melaksanakannya ia dikenali sebagai pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik. Persoalannya, apakah tasawur SPI? Adakah tasawur SPI bersifat tasawur Islam tulen atau bersifat campur aduk antara tasawur Islam dengan tasawur lazim (konvensional)? Bagi menjawab kedua-dua persoalan ini, kertas kerja ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti tasawur sosio-politik Islam. Kedua, menganalisis tasawur sosial-politik Islam tersebut. Kajian kualitatif ini hanya menggunakan data sekunder iaitu kajian-kajian dan karya-karya tentang sosio-politik Islam. Semua data ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Akhirnya kertas kerja ini mendapati tasawur sosio-politik Islam harus dibentuk melalui pendekatan pembungkahan akar umbi iaitu berdasarkan tasawur Islam tulen tanpa ada sebarang percampuran dengan unsur-unsur lain.

Kata Kunci: tasawur, sosio-politik, Islam, analisis

PENDAHULUAN

Sejak akhir-akhir ini, kebangkitan semula Islam dilihat melahirkan kepelbagaian bidang berteraskan Islam. Kebangkitan semula Islam bukan hanya terjadi di Malaysia, Indonesia dan Negara-Negara Islam lain sahaja tetapi juga turut berlaku di Negara-Negara Barat. Hasil kepelbagaian kajian ini menjadikan kehidupan umat Islam mula terarah kepada satu sistem kehidupan Islamik yang holistik. Bidang-bidang yang dimaksudkan adalah bidang-bidang berkaitan pembangunan berteraskan Islam. Ia meliputi keseluruhan bidang pembangunan yang merangkumi ekonomi, sosial, politik dan sebagainya.

Sosio-Politik Islam (SPI), merupakan salah satu cabang ilmu daripada bidang sosial dan politik yang membicarakan berkaitan masyarakat dan politik berdasarkan Islam. Secara khusus SPI diertikan sebagai satu cabang ilmu berkaitan perilaku politik atau tingkah laku politik berdasarkan Islam. Secara logiknya sesuatu bidang apabila membicarakan tentang Islam haruslah berteraskan tasawur Islam yang

¹ Makalah ini merupakan kertas kerja yang akan dibentangkan di Conference on Sosial, Political, Governmental & Science (ICSPGCS) 2017, anjuran Faculty of Social & Political Science, Universitas Muhammadiyah, Jember, Indonesia pada 3&4 April 2017, di Gedung Achmad Zainuri Universitas Muhammadiyah Jember, Indonesia.

² Mohd Haidzir Bin Auzir merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

hakiki. Namun begitu bagi pemikiran Islam arus perdana SPI, percampuran antara tasawur Islam dengan komponen-komponen sosio-politik lazim (konvensional) dilihat menjadi pilihan dalam membentuk tasawur dan melaksanakan SPI itu sendiri. Persoalannya, apakah tasawur SPI? Adakah tasawur SPI bersifat tasawur Islam tulen atau bersifat campur aduk antara tasawur Islam dengan tasawur lazim (konvensional)? Berdasarkan analisis kandungan terhadap data sekunder yang diperoleh, perbincangan makalah ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, definisi istilah; kedua, mengenal pasti tasawur SPI; dan ketiga; menganalisis pendekatan apakah yang membentuk tasawur SPI tersebut. Akhir sekali merupakan bahagian kesimpulan atau rumusan daripada keseluruhan perbincangan kertas kerja ini.

DEFINISI ISTILAH

Dalam makalah ini pengkaji memilih dua istilah yang akan didefinisikan bagi memudahkan memahami maksud sebenar dan tujuan makalah ini disediakan. Pertama, tasawur Islam; dan kedua, sosio-politik. Kedua-dua istilah tersebut diperincikan dalam sub topik berikut:

a) Tasawur Islam

Tasawur ialah gambaran yang terbentuk di minda sebelum diterjemahkan dalam perkataan atau tulisan atau perbuatan. Apabila istilah tasawur dan Islam disatukan ia menjelaskan sebagai gambaran yang terbentuk dalam diri seseorang tentang Islam yang holistik dan hakiki, iaitu gambaran secara keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam yang benar dan lengkap (Muhammad Syukri, 2003a: 21 & 2008: 2). Istilah ini seakan samadengan istilah yang dibawa oleh Haron Din (1992: 3), Mohd. Kamal Hassan (1993) dan Ramli Awang (1997: 6) iaitu tasawur Islam ialah gambaran atau penjelasan yang komprehensif dan benar mengenai Islam. Menurut Mohd Shukri Hanapi (2013), tasawur Islam boleh dikategorikan sebagai perkara-perkara asas yang wujud dalam Islam seperti akidah, ibadah dan akhlak. Menurut Sidek Baba (2006) antara ketiga-tiga perkara asas ini akidah merupakan asas utama kepada tasawur Islam.

Selain itu Muhammad Syukri Salleh (2002:56, 2003a:21 & 2003b:4), Muhammad Nasri Md Hussain dan Ab. Aziz Yusof (2005: 29) pula meletakkan perkara-perkara asas yang wujud dalam tasawur Islam ialah Allah SWT sebagai Pencipta, manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dan alam semesta sebagai makhluk. Perbezaan yang wujud dalam menerangkan perkara-perkara asas dalam tasawur Islam antara Haron Din (1992: 3), Mohd. Kamal Hassan (1993) dan Ramli Awang (1997: 6) dengan Muhammad Syukri Salleh (2002:56, 2003a:21 & 2003b:4), Muhammad Nasri Md Hussain dan Ab. Aziz Yusof (2005: 29) pada hakikatnya merupakan perkara-perkara asas yang sama iaitu dengan meyakini Allah SWT sebagai Pencipta dan manusia serta alam semesta sebagai makhluk merupakan akidah Islam manakala manusia sebagai makhluk yang wajib memperhambakan diri kepada Allah SWT merupakan ibadah dalam Islam. Begitulah juga dengan alam semesta yang sentiasa berzikir merupakan cara ibadah kepada Allah SWT bagi menandakan kesyukuran dicipta sebagai makhluk. Bagi bahagian akhlak pula, hubungan manusia dengan Allah SWT merupakan perkara yang perlu dijaga. Begitu juga hubungan baik manusia sesama manusia dan ketika manusia menguruskan alam semesta ini dengan cara yang baik dan adil merupakan cabang akhlak dalam Islam (Mohd Shukri Hanapi, 2013).

Oleh itu, perkara-perkara asas dalam tasawur Islam yang lahir dari pemikiran Muhammad Syukri Salleh (2002:56, 2003a:21 & 2003b:4), Muhammad Nasri Md Hussain dan Ab. Aziz Yusof (2005: 29) iaitu Allah SWT sebagai Pencipta, manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dan alam semesta

sebagai makhluk lebih tepat dan komprehensif. Perkara-perkara asas ini lebih sesuai diperjelaskan sebagai tasawur Islam. Hal ini kerana dalam melaksanakan pembangunan³ berteraskan Islam tasawur Islam adalah lebih tepat diguna pakai berbanding istilah-istilah lain⁴. Khususnya dalam makalah ini iaitu tasawur sosio-politik Islam.

b) Sosio-Politik

Sosio-politik (SP) merupakan gabungan daripada dua suku kata iaitu sosial dan politik. Menurut H. Sapriya dan Runik Mahfiroh (t.t), istilah SPLahir daripada disiplin ilmu sosiologi dan politik. Oleh kerana itu, istilah SP lahir daripada kata sifat berkaitan dengan masalah atau konteks sosial dan politik. Sosial berkaitan dengan masyarakat sedangkan politik berkaitan dengan kuasa atau pemerintahan. Istilah ini sedikit berbeza dengan Joseph Roucek dan Rolan Werren (1984). Bagi Joseph Roucek dan Rolan Werren (1984), SP merupakan suatu cabang daripada bidang sosial atau lebih tepat bidang sosiologi yang menganalisis proses politik dalam rangka sosiologi. SP juga merupakan suatu orientasi pengamatan yang dinamik terhadap tingkah laku politik dipengaruhi oleh beberapa proses sosial, seperti kerjasama, persaingan, konflik, mobiliti sosial, pembentukan pendapat umum, peralihan kekuasaan beberapa kelompok dan semua proses yang terlibat dalam rangka mempengaruhi tingkah laku politik.

Selain itu, menurut H. Sapriya dan Runik Mahfiroh (t.t) dalam disiplin ilmu sosiologi dan ilmu politik, sosio-politik membawa erti kepada dua disiplin ilmu yang diintegrasikan, ia berkaitan dengan ilmu sosiologi dan ilmu politik. Intergrasi antara ilmu sosiologi dengan ilmu politik membawa kepada kajian ilmiah yang bersifat *inter-disciplinary*. Istilah *inter-disciplinary* membawa pengertian kepada kajian sesuatu fenomena. Bahan atau bidang kajian SP yang membawa kepada pengertian kajian sesuatu fenomena merupakan tema-tema berkaitan dengan masalah yang wujud dalam masyarakat dan politik atau negara. Oleh itu, sudah tentu banyak sekali tema-tema yang berkaitan dengan masalah masyarakat dan politik atau pemerintahan dan negara. Masalah masyarakat dapat dikenal pasti menurut ruang⁵ dan tingkat⁶ yang wujud, sedangkan masalah pemerintahan atau negara dikelompokkan menurut dimensi atau peringkat seperti pemerintahan pusat dan pemerintahan daerah.

TASAWUR SOSIO-POLITIK ISLAM

Dalam membincangkan SPI, samalah halnya membincangkan isu-isu Islam yang lain. SPI perlu dikaji menurut pandangan dunia (*worldview*) Islam atau lebih tepat menurut tasawur Islam sebagaimana yang telah dibincangkan sebelumnya. Hal ini amat penting diberi perhatian kerana sesuatu kajian itu dapatan akhirnya ditentukan oleh sesuatu aliran pemikiran dalam menafsirkan

³Menurut Alexander (1994) pembangunan (*development*) ialah suatu proses perubahan yang mencakup seluruh sistem sosial, seperti politik, ekonomi, infrastruktur, pertahanan, pendidikan dan teknologi, kelembagaan, dan budaya. Bagi Portes (1976) pula, beliau mendefinisikan pembangunan sebagai transformasi ekonomi, sosial politik dan budaya.

⁴Istilah-istilah lain yang dimaksudkan ialah paradigm, *worldview*, *weltanschauung* dan falsafah.

⁵Ruang adalah wadah yang meliputi ruang darat, ruang laut, dan ruang udara, termasuk ruang dalam bumi sebagai satu kesatuan wilayah, tempat manusia dan makhluk hidup lain, melakukan kegiatan, dan memelihara kesinambungan hidupnya lihat Pasal 1 Undang-undang Nomor 26 Tahun 2007 (Indonesia).

⁶Tingkat yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan masyarakat sebagai contoh pertumbuhan penduduk, penambahan populasi, perubahan dari masyarakat biasa kepada kepimpinan. Lihat Moh. Yuditri Nurcahyo (2005).

fenomena-fenomena yang wujud (Sayyid Qutb, t.t: 5). Misalnya konsep moden dalam pengertian Lazim tidak boleh disamakan dengan konsep moden dalam pengertian Islam. Begitu juga kajian berkaitan dengan alam, kehidupan dan manusia yang lainnya (sosio-politik). Sudah tentu perbezaan tasawur melahirkan perbezaan penafsiran (Sayyid Qutb, t.t: 5; Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1984: 50).

Justeru, dalam menilai sesuatu fenomenaseperti masalah sosio-politik atau rancangan perubahan sosial dan politik bagi sesebuah masyarakat Islam, seharusnya diguna pakai konsep sosial dan politik Islam atau sosio-politik Islam. Hal ini kerana, pelaksanaan konsep SPI bukan hanya sekadar memenuhi dorongan kebendaan semata-mata akan tetapi ia juga meliputi dua dimensi yang harus dijaga iaitu hubungan manusia dengan Pencipta (*habl min Allah*) dan hubungan manusia dengan manusia dan makhluk lain (*habl min al-Nas*) (Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1984: 23; Mohsen Abd al-Hamid, 1989: 6; Muhammad Syukri Salleh, 2008).

Oleh yang demikian, dengan menggunakan metodologi dan konsep-konsep Islam yang hakiki, perbincangan yang dilakukan itu barulah berjalan di atas asas-asas yang tepat dan ciri-ciri yang betul dan sempurna (Mohsen Abd al-Hamid, 1983: 40). Menurut Ilyas Ba-Yunus (1989: 30), pendekatan SPL yang berasaskan kepada tanggapan dan kesimpulan penyelidikan yang asing pada realiti masyarakat Islam tentulah tidak wajar digunakan. Begitu juga pengkajian yang bersifat sistematik berkaitan Islam, termasuklah perubahan sosial dan politik yang berlaku dalam SPL diabaikan. Hal ini kerana, tokoh-tokoh sosiologi Barat seperti Karl Marx (1818-1883M.) dan Emile Durkheim (1858-1917M.) hampir-hampir tidak pernah membincangkan apa-apa tentang Islam jika ada pun hanya sedikit sahaja. Di atas perkara inilah Turner (1974; 1984) dengan berani menyatakan pemeriksaannya terhadap buku-buku teks sosiologi dan politik Islam mendapati hasil keputusan dapatan kajiannya berkaitan SPL amat mendukacitakan. Hal ini kerana ahli-ahli sosiologi Barat seolah-olah tidak berminat terhadap Islam atau tidak mempunyai apa-apa ideologi untuk disumbangkan kepada apa-apa bidang berteraskan Islam.

Menurut Ilyas Ba-Yunus (1989: 30) lagi, ahli-ahli sosiologi Barat bukan hanya tidak mengendahkan Islam sebagai satu unit analisis, malah dalam hal tertentu, mempunyai pendekatan yang tidak tetap terhadap Islam. Ini terbukti dengan kenyataan Turner (1984: 3) terhadap Max Weber:

".... seperti yang dinyatakan dalam bab-bab pembukaan, dalam pemerhatiannya terhadap Islam dan Muhammad SAW. Weber merupakan antara ahli sosiologi terawal yang meninggalkan garis panduan falsafahnya. Hal ini menyebabkan timbulnya rasa keraguan terhadap Weber. Dalam satu segi Weber mengadakan satu rangka kerja yang mendorong seseorang untuk mengemukakan isu-isu penting dalam teori pembangunan Islam. Akan tetapi, Weber telah menggunakan prinsip-prinsip yang dianggap penting dalam mendapatkan pendekatan sosiologi yang terbaik, secara tidak menentu"

Berdasarkan kenyataan Ilyas Ba-Yunus (1989), penggunaan kaedah-kaedah atau pendekatan lazim dalam mengkaji sosiologi Islam umumnya dan SPI khususnya iaitu berkaitan masyarakat Islam dan Islam adalah tidak tepat. Hal ini sama dengan pandangan Muhammad Syukri Salleh (2008) iaitu dalam mengkaji masyarakat Islam dan Islam itu sendiri pengkajian itu haruslah berteraskan tasawur Islam tulen yang merangkumi tasawur dan epistemologi Islam yang hakiki.

Namun begitu, sebagaimana yang telah dibincangkan diawal sub topik ini, aliran pemikiran yang terbentuk itu menjadikan pendekatan dan kaedah diguna pakai dalam mengkaji sesuatu bidang itu berbeza-beza coraknya. Oleh yang demikian, makalah ini diteruskan dengan membincangkan aliran pemikiran yang wujud dalam SPI sebelum peringkat analisis dilakukan.

ALIRAN PEMIKIRAN SOSIO-POLITIK ISLAM ARUS PERDANA

Semenjak kebangkitan semula Islam awal 70-an sehingga kini masih terdapat pertembungan pendapat antara para sarjana dalam menyelesaikan masalah SPI. Bagi sarjana yang cenderung kepada aliran pemikiran pemusatan Barat (*western ethno-centric*) atau pemusatan Eropah (*eurocentric*) tetapi cinta dan sayang kepada Islam memilih pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik⁷ menjadi asas pelaksanaan SPI. Bagi yang cenderung kepada aliran pemikiran tasawur Islam memilih pendekatan pembungkian akar umbi⁸ untuk dijadikan asas kepada pembentukan dan pelaksanaan SPI. Hal ini selari dengan kenyataan Muhammad Syukri Salleh (2011) dan Mohd Shukri Hanapi (2013) iaitu terdapat dua aliran pemikiran dikalangan para sarjana dalam membentuk pembangunan berteraskan Islam. Pertama, aliran pemikiran pemusatan Barat (*western ethno-centric*) atau pemusatan Eropah (*eurocentric*) dan kedua, aliran pemikiran tasawur Islam.

Hal yang sama juga diperjelaskan oleh Mohd Haidzir Auzir (2016) menyatakan terdapat tiga pendekatan yang mencorakkan pemikiran sarjana-sarjana Islam arus perdana. Pertama, aliran pemikiran yang dicorakkan oleh falsafah pembangunan lazim (PL)⁹ yang terbina daripada tasawur dan epistemologi lazim (konvensional) dikenali sebagai pendekatan lazim; kedua, aliran pemikiran yang dicorakkan oleh falsafah yang bersifat bercampur aduk antara falsafah PL dengan Islam dikenali sebagai pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik¹⁰; dan ketiga, aliran pemikiran yang dicorakkan oleh falsafah atau tasawur Islam tulen atau lebih dikenali sebagai pendekatan pembungkian akar umbi.

⁷Pendekatan akomodatif-modifikasi merujuk kepada pendekatan yang bersedia menerima dan memperbaiki pemikiran pembangunan bukan Islam untuk menjadikannya sebagai pembangunan Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Eklektisme-metodologik pula merujuk kepada pendekatan yang fleksibel, memilih apa-apa yang dirasakan baik dari pelbagai sumber dan menggunakannya secara kolektif dalam pembangunan Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik biasanya memberikan hujah bahawa asumsi, norma gelagat dan objektifnya boleh dimodifikasikan untuk menjadikannya Islam berdasarkan sumbangan dari sumber-sumber disiplin lain misalnya teori neo-klasikal dan radikal (Muhammad Syukri Salleh, 2011).

⁸Pembungkian dari segi bahasa merujuk kepada mengorek atau mengeluarkan. Bagi istilah pula, mengeluarkan atau mengorek struktur asas sesuatu. Akar umbi dari segi bahasa adalah asas atau struktur, manakala dari segi istilah merujuk kepada tunjang keseluruhan asas (sesuatu) yang kukuh (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Bila digabungkan antara pembungkian dengan akar umbi akan membawa kepada satu maksud iaitu rombakan pada struktur sesuatu dengan menyeluruh bagi memperkukuhkan asas-asas yang membentuk kekuatan baru bertunjangkan tasawur Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Aliran pemikiran pendekatan pembungkian akar umbi juga didefinisikan oleh ahli ekonomi Islam sebagai aliran pemikiran ekonomi Islam total (keseluruhan) yang lahir daripada tasawur Islam, tanpa campur aduk dengan sistem ekonomi lazim (Mohd Shukri Hanapi, 2014 & Zakaria Bahari, 2014).

⁹PL terikat kuat dengan falsafah dan perkaedahan Sains Sosial Barat. Ia muncul daripada teknik-teknik sains fizikal yang didasari oleh sifat-sifat saintifik, empirikal dan fakta-fakta yang dapat diamati oleh pancaindera (*observational facts*) (Muhammad Syukri Salleh, 2001&2008). Ia juga bersifat anti-dogmatis, anti *a priori*, anti-teologi dan cenderung kepada sifat bebas nilai (*value free*) (Muhammad Syukri Salleh, 2001&2008).

¹⁰Istilah pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik mula diperkenalkan oleh Muhammad Syukri Salleh pada tahun 2011. Sebelumnya beliau memperkenalkan masalah pendekatan eklektisme dalam PBI terlebih dahulu pada tahun 2008. Hasil daripada ketekunan beliau istilah yang lebih tepat dalam menerangkan masalah percampuran antara pembangunan lazim (konvensional) dengan Islam tanpa merombak asas pada peringkat falsafah ialah pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik.

Dalam nada yang berbeza Ibrahim Abu Rabi' (2001) pula menyatakan pemikiran sarjana-sarjana Islam arus perdana dapat dipolakan dalam tiga kecenderungan pemikiran. Pertama, *the rational scientific and liberal trend* (kecenderungan rasional ilmiah dan pemikiran bebas). Kedua, *the Islamic trend* (kecenderungan pada Islam); dan ketiga, *the synthetic trend* (kecenderungan melakukan sintesa). Bagi Muji Mulia (2011), antara ketiga-tiga aliran pemikiran yang dinyatakan ini, aliran pemikiran ketiga *the synthetic trend* (kecenderungan melakukan sintesa) merupakan aliran pemikiran lebih bersifat reseptif dan akomodatif terhadap peradaban dan pemikiran Barat.

Daripada ketiga-tiga pendekatan ini, pendekatan yang bersifat campur aduk iaitu pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik ini banyak diguna pakai dalam pelaksanaan SPI terutamanya di negara-negara Islam. Hal ini kerana, apabila pendekatan ini diguna pakai maka tujuan sesuatu pembangunan itu dapat diselaraskan dengan mencari kesesuaian dan kecocokan (*accommodate*) dalam menyelaraskannya dengan ajaran Islam (Abdul Rahman Abdullah, 2010:240).

Pendekatan akomodatif-modifikasi merujuk kepada pendekatan yang bersedia menerima dan memperbaiki pemikiran pembangunan bukan Islam untuk menjadikannya sebagai pembangunan Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Eklektisme-metodologik pula merujuk kepada pendekatan yang fleksibel, memilih apa-apa yang dirasakan baik dari pelbagai sumber dan menggunakannya secara kolektif dalam pembangunan Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik biasanya memberikan hujah bahawa asumsi, norma gelagat dan objektifnya boleh dimodifikasikan untuk menjadikannya Islam berdasarkan sumbangan dari sumber-sumber disiplin lain misalnya teori neo-klasikal dan radikal (Muhammad Syukri Salleh, 2011).

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2011) lagi, antara tokoh pemikiran SPI arus perdana yang mempelopori aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik adalah seperti Muhammad Ramadhan (2007) dan Anuar Abbas (2008). Bagi Muji Mulia (2011) pula Muhammad Abduh (1849 –1905)¹¹ dan Qasim Amin (1863-1908)¹² dilihat antara tokoh SPI yang cenderung kepada pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik. Selain itu K.H Abdurrahman Wahid (1999) dan Nurcholish Wadjid (2000) juga dikatakan cenderung kepada pendekatan yang dibincangkan.

Bagi Muhammad Ramadhan (2007) dan Anuar Abbas (2008) mereka percaya bahawa “sosialisme Islam” berdasarkan aliran “*sosialisme religius*” yang digagaskan oleh Muhammad Hatta

¹¹Muhammad Abduh (1848- 1905 M) atau nama penuhnya Muhammad bin Abduh bin Hasan Khayrillah. Beliau seorang pemikir besar Islam, modernis, muallim, mufassir, dan teolog yang tidak hanya dikenali di dunia Islam sahaja, bahkan sampai ke Eropah. Beliau mula menerima pendidikan asasnya dari ayahnya sendiri. Beliau jugamenerima pendidikan lainnya secara berpindah-pindah dari satu tempat ketempat lainnya. Kemudian beliau menyambung pengajiannya di Universitas al-Azhar, pada tahun 1877 M sehingga tamat ‘alimiyyah. Setelah tamat pendidikan tingginya beliau diterima menjadi tenaga pengajar di Universitas tersebut. Lihat Charles C. Adams, *Islam and Modernism in Egypt*, (New York: Russell, & Russell, 1933).

¹²Qasim Amin (1863-1908), merupakan seorang peguam di Mesir paling dikenali pada masa hayatnya bukan sahaja di dunia Islam malah di Eropah dan Barat. Pada tahun 1899 beliau menghasilkan karya yang bertajuk ‘*The Liberation of Women and The New Woman*’. Bagi beliau, pembebasan wanita adalah syarat penting untuk membebaskan masyarakat Mesir dari penguasaan asing dan penjajah. Dalam karyanya beliau kurang menggunakan hujah-hujah berdasarkan al-Qur’an dan Hadis Nabi SAW. Namun secara terbuka memberi sokongan kepada pemikiran dan model pembangunan Barat. Lihat Qasim Amin (2000). *The Liberation of Women and The New Woman*. American University in Cairo: Press

(Bung Hatta) boleh dipraktikkan dalam membangunkan Islam. Kecenderungan Muhammad Abduh (1849-1905) dan Qasim Amin (1863-1908) lebih ke arah nasionalisme dan sekulerisme. Muhammad Abduh berpendapat dalam Islam tidak ada kekuasaan keagamaan dalam sosio-politik, rakyat atau masyarakat harus memikul tanggung jawab yang sama dan mempunyai hak yang sama baik dalam bidang sosial, politik, ekonomi dan sebagainya. Oleh itu, tidak salah masyarakat dan negara bersikap reseptif dan akomodatif terhadap peradaban Barat.

Pemikiran K.H Abdurrahman Wahid (1999) dan Nurcholish Wajid (2000) pula lebih kepada penyelarasan antara Islam dengan komponen-komponen sosial dan politik yang diperjuangkan oleh pemikiran Barat dalam menegakkan demokrasi, pluralisme dan hak asasi manusia beracuan Barat. Selain itu antara pemikiran lain yang cuba diketengahkan oleh K.H Abdurrahman Wahid (1999) ialah wacana dialektika Islam dengan tradisi lokal berkaitan Pribumisasi Islam. Pemikiran sebegini lebih bersifat akomodatif-modifikasi dengan menggunakan akal semata-mata. Dalam konsep ini, menerangkan bagaimana Islam dijadikan sebagai ajaran normatif universal yang berasal daripada Allah SWT diakomodasikan dalam kebudayaan yang lahir daripada manusia tanpa kehilangan identiti masing-masing. Menurutnya lagi, Inti pribumisasi Islam adalah keperluan yang bukan sahaja mengelakkan polarisasi diameter antara agama dengan budaya tetapi juga dalam sosio-politik Islam semasa. Misalnya ucapan *Assalamu 'alaikum* secara kultural atau budayanya sama dengan ungkapan selamat pagi, selamat siang dan selamat malam. Akan tetapi pemikiran Islam sebegini yang dibawa oleh Gus Dur atau Abdurrahman Wahid (2001) di Indonesia, mendapat tentangan khususnya dari kalangan komuniti tradisional (ulamak).

PENDAPAT PENDUKUNG-PENDUKUNG ALIRAN PEMIKIRAN PENDEKATAN AKOMODATIF-MODIFIKASI DENGAN SIFAT EKLEKTISME-METODOLOGIK DALAM SOSIO-POLITIK ISLAM

Bagi membenarkan aliran pemikiran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik ini, pelbagai hujah logik akal cuba diketengahkan oleh para pendukungnya. Antaranya Muhammad Nasrul Fani (2009), Mansor Md Isa (2009), Sapta Wahyono (2010), Fikria Najitama (2007), Siti Aminah Caniago (2010), dan Asyraf Wajidi Dusuki (2013).

Bagi Muhammad Nasrul Fani (2009) dan Sapta Wahyono (2010) keduanya cenderung kepada aliran pemikiran yang dibawa oleh K.H Abdurrahman Wahid (1999) dan Nurcholish Wajid (2000) iaitu akomodatif Islam dengan komponen-komponen sosial dan politik yang diperjuangkan oleh pemikiran Barat dalam menegakkan demokrasi, pluralisme dan hak asasi manusia. Akomodatif Islam yang dibawa K.H Abdurrahman Wahid (1999) hanya berpandukan kepada akal semata-mata. Hal ini dapat dilihat melalui Sapta Wahyono (2010) iaitu:

“Menurut Abdurrahman Wahid, Islam adalah agama demokrasi, dengan beberapa alasan: Pertama, Islam adalah agama hokum, sehingga semua orang diperlakukan sama. Kedua, Islam memiliki asas musyawarah (*syura*), untuk menyatukan berbagai keinginan dan kehendak dalam masyarakat, *syura* merupakan cara yang efektif. Ketiga, Islam selalu berpandangan memperbaiki kehidupan (*masalih* umat). Keempat, demokrasi juga mengedepankan prinsip-prinsip keadilan. Akan tetapi beliau menolak jika peranan yang harus dimainkan dari idealisasi agama sebagai alternatif satu-satunya pilihan sebagai upaya demokratisasi. Beliau mengkwatirkan jika Islam ditempatkan sebagai satu-satunya alternatif justru akan kehilangan relevansinya, menurutnya demokratisasi harus dimulai dari pemberdayaan politik rakyat. Dalam proses ini semua masyarakat harus dilibatkan tanpa

mengenal golongan manapun dan terpenting masyarakat harus memulai untuk berdemokrasi, dan itulah hakikat demokratisasi”

Daripada petikan ini dapat disimpulkan bahawa teori dan konsep SPI yang cuba dibawa oleh K.H Abdurrahman Wahid (1999) yang didukung oleh Sapta Wahyono (2010) ialah demokrasi dan demokratisasi. Persoalannya apakah teori dan konsep demokrasi dan demokratisasi ini benar-benar mengikut acuan tasawur Islam? Atau pendefinisian demokrasi dan demokratisasi yang cuba dibawa K.H Abdurrahman Wahid (1999) ini agar selaras dengan Islam itu hanya berpandukan logik akal semata-mata? dan apakah dalam Islam tidak ada teori dan konsep SPI yang berdasarkan Islam yang hakiki?

Begitulah juga dengan pandangan Mansor Md Isa (2009), beliau mengatakan bahawa para ilmuan Islam boleh menggunakan teori konvensional sebagai langkah awal dan membuat penyaringan untuk mengambil perkara-perkara yang dibenarkan Islam, mengubahsuai perkara-perkara yang tidak sesuai dan menolak yang jelas tidak dibenarkan. Berhubung perkara ini, Mansor Md Isa (2009) berpendapat:

“...pendekatan ini lebih mudah dan praktikal memandangkan kepada kemantapan dari segi teori dan amalan-amalan konvensional. Para ilmuan Islam boleh menggunakan teori konvensional sebagai titik tolak dan membuat penyaringan untuk mengambil perkara yang tidak sesuai dan menolak yang jelas tidak dibenarkan”.

Berhubung kenyataan daripada Mansor Md Isa (2009) ini, pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik digunakan untuk membentuk acuan teori-teori dan amalan-amalan SPI dengan membuat penyaringan ke atas teori-teori dan amalan-amalan SPL. Namun di sini timbul persoalan, adakah pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik ini dibenarkan dalam Islam? Adakah Islam tidak mempunyai amalan SPnya sendiri sehingga membenarkan penyaringan dibuat terhadap SPL(konvensional) bagi membentuk serta melaksanakan SPI?

Bagi Siti Aminah Caniago (2010) pula, meneliti kepimpinan secara Islam dan konvensional dan mencari jalan untuk keduanya bersinerji. Maksudnya menyelaraskan kepimpinan cara Islam dengan kepimpinan cara konvensional. Berkaitan perkara ini, Siti Aminah Caniago (2010) menyatakan:

“Kepimpinan yang ideal adalah kepimpinan yang bisa menerapkan teori kepimpinan konvensional dan Islam yaitu berdasarkan al-Qur’an dan Hadits...Setiap pemimpin yang memimpin beragam umat yang berasal dari bermacam-macam agama, suku, ras, budaya dan partai harus menanggalkan lambang-lambang dan karakter dari mana asal dia dan harus menyadari bahwa dia adalah milik semua dan bukan milik salah satu golongan atau organisasi.”

disokong dengan hujah bahawa Islam menerima beberapa amalan Jahiliyah dan dipraktikkan dalam Islam. Sehubungan dengan itu pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik sebagai acuan PBI adalah dibenarkan. Berhubung perkara ini Asyraf Wajdi Dusuki (2013) berpendapat:

“...Sikap akomodatif sarjana dan ilmuwan Islam lampau dalam menerima kemasukan khazanah ilmu asing ini sebenarnya bukanlah suatu yang baru atau sengaja diada-adakan. Ia merupakan penerusan prinsip dan budaya yang diamalkan Rasulullah SAW sendiri dalam upaya Baginda melakukan reformasi dan transformasi ke atas masyarakat Arab Jahiliyah hingga terbentuknya tamadun Islam yang unggul berpusat di Madinah...Kedatangan Rasulullah SAW hakikatnya cukup terbuka dengan amalan-amalan tradisi yang tidak bertentangan dengan tuntunan wahyu Ilahi. Prinsip *taghyir* (merubah) dan *takrir*

(memperakui) merupakan dua pendekatan yang digunakan dalam membangunkan generasi awal Islam...”

Begitu juga pendapat yang diketengahkan oleh Fikria Najitama (2007) dan Ansori (2011) sifat keterbukaan Islam yang menerima amalan-amalan arab Jahiliah sebagai hujah untuk diterima perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan undang-undang Islam yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat itu, dengan penyesuaian dan modifikasi bagi memperkembangkan serta membangunkan tahap sosial dalam sesebuah masyarakat. Hal ini menjadi hujah keharusan pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik ini. Berhubung perkara ini Fikria Najitama (2007) berpendapat:

“Historically, Islam law and the local culture do not always conflict each other. The local culture has a particular place in formulating Islamic law. This proves in adopting process of local culture of pra Islamic society either Prophetera or the generation after him, for instance era of companion and the founder of Islamic law school...”

Terjemahannya:

"Dari segi sejarah, undang-undang Islam dan budaya tempatan tidak sentiasa bercanggah antara satu sama lain. Budaya tempatan mempunyai tempat tertentu dalam menggubal undang-undang Islam. Hal ini dibuktikan dalam proses penerimaan budaya tempatan oleh Rasulullah SAW akan amalan-amalan masyarakat Arab pra-Islam (masyarakat Arab Jahiliah) diamalkan dalam Islam begitu juga generasi selepas Rasulullah SAW, sebagai contoh era sahabat r.a dan pengasas sekolah undang-undang Islam...”

Pandangan Asyraf Wajdi Dusuki (2013), Fikria Natijama (2007) dan Ansori (2011) menjadikan penerimaan Rasulullah SAW terhadap beberapa amalan jahiliah sebagai hujah untuk membenarkan pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik dalam membentuk serta melaksanakan PBI. Persoalannya, apakah konsep amalan jahiliah yang diterima pakai dan diamalkan dalam Islam itu benar-benar menyamai konsep amalan Islam tanpa sebarang perubahan? Atau, adakah ia hanya sekadar menyamai dari segi nama amalan itu sahaja, sedangkan konsepnya sudah dirombak dan berbeza?

ANALISIS TASAWUR SOSIO-POLITIK ISLAM BERDASARKAN ALIRAN PENDEKATAN AKOMODATIF-MODIFIKASI DENGAN SIFAT ELEKTISME-METODOLOGIK

Berdasarkan kepada perbincangan sebelumnya, aliran pemikiran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik dilihat sangat dominan kerana amat mudah diguna pakai oleh penyelidik tanpa sebarang penyelidikan yang mendalam. Hanya mengambil apa yang ada dalam SPL dan mengubah suainya serta memodifikasikannya selaras dengan Islam.

Sehubungan dengan hal yang dibincangkan, masalah utama aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik ialah satu aliran yang tiada rombakkan dilakukan berhubung aspek akar umbi, iaitu tasawurnya. Perkara ini, membawa kebimbangan kepada aliran pemikiran tasawur Islam kerana selagi rombakkan tidak dilakukan dikuatiri SPI yang dibentuk melalui pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik tidak mempunyai tunjang yang kuat serta asas acuannya lemah (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Sehubungan dengan itu dapat dirumuskan di sini terdapat empat intipati hujah kepada pendukung-pendukung aliran pemikiran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik. Keempat-empat intipati

hujah ini juga merupakan elemen-elemen pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik. Keempat-empat elemen ini diperincikan dalam jadual 1.

Kesemua hujah pendukung aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik yang merupakan elemen pendekatannya secara ringkas dipamerkan dalam jadual 1.

BIL	KAJIAN PENDUKUNG	ELEMEN-ELEMEN
1.	Muhammad Nasrul Fani (2009). Pemikiran politik Islam (Studi pemikiran Abdurrahman Wahid dan Nurcholis Madjid). Skripsi diajukan kepada Fakultas Syari'ah Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta bagi memenuhi sebahagian dari syarat-syarat memperoleh gelaran strata satu dalam ilmu hukum Islam. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia.	Kecelaruhan fikiran tentang perbezaan antara peringkat falsafah dengan peringkat operasional & logik akal
2.	Sapta Wahyono (2010). Demokratisasi di Indonesia (Studi komparatif pemikiran Abdurrahman Wahid dan Nurcholis Wadjid). Skripsi diajukan kepada Fakultas Adab Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta bagi memenuhi syarat guna memperoleh gelar sarjana humaniora (S.Hum). Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia	Kecelaruhan fikiran tentang perbezaan antara peringkat falsafah dengan peringkat operasional & logik akal
3.	Siti Aminah Caniago (2010). Kepemimpinan Islam dan konvensional (Sebagai studi perbandingan). Jurusan Tarbiyah STAIN Pekalongan, Jl. Kusumabangsa No. 9. RELIGIA Vol. 13, No. 2, Oktober 2010. Hlm. 239-254.	Kecelaruhan fikiran tentang perbezaan antara peringkat falsafah dengan peringkat operasional & logik akal
4	Mansor Md Isa (2009). Ekonomi Islam: Perspektif dan Cabaran. <i>Islamic Banking Encyclopedia</i> . Diakses pada 4 April 2014 http://www.iefpedia.com/malay/?p=35	Kecelaruhan berfikir, logik akal & sifat keterbukaan Islam
5	Asyraf Wajdi Dusuki (2013). Kedinamikan Islam Terima Perubahan. 14 Ogos 2013: Sinar Harian.	Logik akal, sifat keterbukaan Islam & amalan jahiliah yang diterima pakai dalam Islam sebagai hujah
6.	Fikria Najitama (2007). Sejarah Pergumulan Hukum Islam dan Budaya serta Implikasinya bagi Pembangunan Hukum Islam Khas Indonesia. Yogyakarta, Indonesia: Al-Mawarid Edisi XVII.	Logik akal, sifat keterbukaan Islam & amalan jahiliah yang diterima pakai dalam Islam sebagai hujah
7	Ansori (2011). Kearifan Tradisi al-Qur'an dalam Proses Enkulturasasi Budaya Lokal. Purwokerto, Indonesia: STAIN	Logik akal, sifat keterbukaan Islam & amalan jahiliah yang diterima pakai dalam Islam sebagai hujah

Jadual 1 ini menunjukkan terdapat empat punca utama timbulnya aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik iaitu kecelaruhan fikiran tentang perbezaan antara peringkat falsafah dan operasional, logik akal, sifat keterbukaan Islam dan amalan jahiliah yang diterima pakai dalam Islam sebagai hujah. Keempat-empat intipati hujah ini adalah yang sering diguna pakai oleh pendukung-pendukung bagi mengharuskan aliran pendekatan akomodatif-modifikasi

dengan sifat eklektisme-metodologik untuk diamalkan. Keempat-empat elemen ini akan dianalisis melalui sub topik berikut:

a) Kecelaruhan Fikiran Tentang Perbezaan Antara Peringkat Falsafah Dengan Peringkat Operasional

Empat sebab utama mengapa aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik tidak sesuai diguna pakai dalam melaksanakan PBI (Muhammad Syukri Salleh, 2011).

Pertama, aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik sangat berkecamuk dan mengelirukan; kedua, tidak menguntungkan Islam; ketiga, akan jauh dari Islam disebabkan pencampurannya dengan falsafah SPL jika ia dikembangkan. Hal ini kerana jika dikembangkan aliran pendekatan ini tanpa ada usaha untuk merombak akar umbi struktur pembentukannya, ia tidak akan membina satu bentuk pemikiran SPI yang autenik dan keempat; sarjana SPI yang terpengaruh dengan pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik ini tidak akan muncul sebagai pelopor yang dinamai serta inovatif. Malah hanya terus menjadi mengikut sahaja ke atas falsafah teori, konsep dan kerangka SPL yang sedia ada tanpa pengkajian yang mendalam berhubung keistimewaan epistemologi Islam yang penuh dengan khazanah untuk dikaji dan dimanfaatkan untuk diri umumnya dan Islam khususnya (Muhammad Syukri Salleh, 2011). Hal ini berbeza dengan cendekiawan yang lebih cenderung kepada aliran pendekatan akar umbi (tasawur Islam). Rombakkan yang dibuat diperingkat falsafah dan diperingkat operasional menggunakan aliran pendekatan akar umbi jelas menunjukkan satu sistem yang bersepadu dalam membentuk PBI.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2011&2012), kewujudan aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik ini sebenarnya akibat dari kecelaruhan para pendukungnya tentang perbezaan antara peringkat falsafah dengan peringkat operasional SPI itu sendiri. Peringkat falsafah SPI mencakupi komponen-komponen yang menjadikan terbinanya kerangka SPI. Dalamnya terkandung tasawur, dasar falsafah dan definisi konsep-konsep SPI. Peringkat operasional SPI pula mencakupi nilai-nilai, teori-teori, peralatan, dan kaedah-kaedah pelaksanaannya. Iajuga merupakan komponen-komponen yang membolehkan SPI itu direalisasikan. Antara kedua-dua peringkat ini, tunjangnya adalah peringkat falsafah, manakala komponen-komponen dalam peringkat operasional akan terbentuk mengikut tunjang falsafahnya.

Bagi menjelaskan pembentukan terhadap kedua-dua pendekatan yang diguna pakai dalam melaksanakan SPI dapat dilihat dalam Jadual 2

Jadual 2: Perbezaan Dalam Pembentukan SPI Antara Pendekatan Akomodatif-Modifikasi Dengan Sifat Eklektisme-Metodologik Dengan Pendekatan Pembungkihan Akar Umbi

PEMBENTUKAN PBI		PENDEKATAN AKOMODATIF MODIFIKASI DENGAN SIFAT ELEKTISME METODOLOGIK	PENDEKATAN PEMBUNGGIHAN AKAR UMBI
PE RINGKAT FALS	<ul style="list-style-type: none"> • TASAWUF • DASAR FALSAFAH • DEFINISI KONSEP-KONSEP 		<p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p>
PE RINGKAT OPERASI	<ul style="list-style-type: none"> • NILAI-NILAI • TEORI-TEORI • PERALATAN-PERALATAN • KAEDAH-KAEDAH • PELAKSANAAN 	<p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p>	<p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p> <p style="text-align: center;">√</p>

Sumber: Mohammad Syukri Salleh, 2011

Jadual 2 menunjukkan perbezaan antara pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik dengan pendekatan pembungkian akar umbi dalam melaksanakan SPI. Ia berlaku disebabkan peringkat pembentukan SPI itu dipilih. Pendekatan pembungkian akar umbi melalui status rombakan di semua peringkat manakala pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik hanya berlaku di peringkat operasional sahaja.

Jika hanya komponen-komponen dalam peringkat operasional yang dipilih-pilih, diakomodasi dan seterusnya dimodifikasi mengikut Islam sedangkan kerangkanya iaitu di peringkat falsafah dibiarkan tetap bertunjangkan kepada kerangka SPL, maka komponen-komponen dalam peringkat operasional tersebut tidak akan menjadi Islam secara hakiki. Sedangkan Islam itu memiliki asas tunjang yang sangat kuat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Rasul-Nya SAW melalui al-Qur'an dan Hadis. Bila membincangkan berkenaan Islam maka haruslah memahami apakah yang tersurat dan tersirat disebalik perkataan Islam itu sendiri kerana gabungan sosio-politik dengan Islam atau politik dengan Islam atau sebagainya mencerminkan satu definisi yang tersendiri. Perkara ini haruslah bertunjangkan tasawur Islam, iaitu gambaran komprehensif dan hakiki mengenai Islam yang bertujuan memperjelaskan secara keseluruhan prinsip asas Islam secara benar dan menyeluruh sehingga menjadi asas kepada pandangan hidup dan bersehati dalam diri seseorang (Haron Din, 1992:3; Ramli Awang, 1997:6). Prinsip-prinsip yang berhubung akidah, ibadah dan akhlak seperti mana yang terkandung dalam wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW (Mohd Shukri Hanapi, 2013)

Pemilihan ke atas aliran pendekatan pembungkian akar umbi adalah yang paling tepat dalam membentuk tasawur SPI berbanding aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik. Hal ini kerana aliran pendekatan pembungkian akar umbi melalui proses rombakan akar umbi bukan sahaja di peringkat operasional malah peringkat yang paling penting iaitu rombakan di peringkat falsafah. Ia menunjukkan dengan jelas bahawa aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik tiada kesinambungan antara peringkat falsafah dan peringkat operasional. Oleh yang demikian, aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik, pemilihannya yang dibuat hanya ke atas peringkat operasional SPI sahaja manakala di peringkat falsafah masih menggunakan teori dan falsafah SPL. Perkara ini semenangnya berbeza dengan definisi SPI yang dibincangkan sebelumnya. Mana mungkin perkara ini boleh dikatakan SPI selagi falsafahnya masih berpegang kepada SPL dan secara logiknya apabila berbicara mengenai Islam haruslah berdasarkan tasawur dan epistemologi Islam yang benar tanpa ada percampuran dari unsur-unsur yang bukan Islam. Dalam kaedah aliran pendekatan pembungkian akar umbi juga jelas kelihatan lompong kajian iaitu rombakan yang harus dilakukan, iaitu kajian berasaskan tunjang kekuatan bagi Islam dan ini ada pada pendekatan pembungkian akar umbi.

(b) Logik Akal

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2011&2012), Fadzila Azni Ahmad (2010), Mohd Shukri Hanapi (2013) dan Mohd Haidzir Auzir (2015), hujah-hujah yang digunakan bagi mengharuskan aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik juga tidak kuat dan hanya menggunakan hujah logik akal semata-mata tanpa dalil yang kuat seperti dalil dari al-Qur'an dan Hadis. Sebagaimana Menurut Abdel Rahman Yousri Ahmed (2002), ekonomi Islam adalah gabungan antara prinsip syariah dengan ekonomi konvensional. Begitu juga menurut Mansor Md Isa (2009):

“...pendekatan ini lebih mudah dan praktikal memandang kepada kemantapan dari segi teori dan amalan ekonomi konvensional. Para ilmuan Islam boleh menggunakan ekonomi

konvensional sebagai titik tolak dan membuat penyaringan untuk mengambil perkara yang tidak sesuai dan menolak yang jelas tidak dibenarkan”.

Logik akal merupakan antara konsep yang sering digunakan dalam mengharuskan pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik.

(c) Sifat Keterbukaan Dalam Islam

Menurut Asyraf Wajdi Dusuki (2013), sesetengah penyelidik berpendapat yang menyatakan boleh menerima atau mengubah suai yang bukan Islam itu menjadi Islam kerana Islam itu bersifat terbuka dan bersedia menerima perubahan dan dimodifikasikan. Begitu juga pendapat yang diketengahkan oleh Fikria Najitama (2007) dan Ansori (2011). Menurut Fikria Najitama (2007) dan Ansori (2011), sifat keterbukaan Islam yang menerima amalan-amalan arab Jahiliah sebagai hujah untuk diterima perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan akidah, tasawur, undang-undang (syari'at Islam) dan nilai-nilai Islam yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat itu, dengan penyesuaian dan modifikasi bagi memperkembangkan serta membangunkan tahap sosial dalam sesebuah masyarakat. Hujah serta pendapat seperti ini amat lemah dan hanya berpandukan akal dan kefahaman sendiri. Hal ini juga disebabkan oleh masaalah elektisme yang melanda seperti yang telah diterangkan sebelumnya. Oleh sebab itulah aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik amat tidak sesuai diaplikasikan dalam membentuk PBI berbanding pemikiran aliran pendekatan pembungkahan akar umbi.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Hai orang-orang yang beriman, jika kamu mengikuti sebahagian dari orang-orang yang diberi al-Kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi kafir sesudah kamu beriman” (Surah ali 'Imran, 2:100).

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ambil menjadi teman kepercayaanmu orang-orang yang di luar kalanganmu (kerana) mereka tidak henti-hentinya (menimbulkan) kemudharatan bagimu. Mereka menyukai apa yang menyusahkan kamu. Telah nyata kebencian dari mulut mereka, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah Kami terangkan kepadamu ayat-ayat (Kami), jika kamu memahaminya” (Surah ali 'Imran, 2:118)

Menurut Ibn Kathir (1989), rumusan dari kedua-dua ayat yang disebutkan di atas menggambarkan perintah Allah SWT kepada orang-orang yang beriman untuk mengambil Islam itu seluruhnya dalam kehidupan manusia (muslim) sama ada dalam bentuk ibadah, *muamalat*, *muasyarat*, akhlak dan sebagainya. Allah SWT juga memberi amaran bahawasanya, terdapat agenda tersembunyi yang harus diberi perhatian serta harus berwaspada dengan agenda-agenda (Yahudi dan Nasrani) dalam mengharungi kehidupan di dunia ini. Hal ini kerana kehendak Yahudi dan Nasrani agar orang Islam menjadi sesat dan jauh dari petunjuk dan rahmat Allah SWT. Oleh sebab itulah aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik perlu dikaji semula bagi penerimanya dalam membentuk falsafah SPI. Kesimpulan dapat dibuat iaitu aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik adalah amat tidak sesuai untuk diguna pakai dalam membentuk dan melaksanakan SPI kerana corak falsafahnya masih tetap kepada falsafah SPL, seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini.

Begitu juga dalam Khutbah Terakhir Rasulullah SAW¹³, antara nasihat Baginda SAW kepada orang-orang Islam dengan kembali berpegang kepada al-Qur'an dan Hadis¹⁴ kerana itulah sumber yang membawakan kita kepada kejayaan dan sasaran matlamat akhir iaitu *Mardhatillah* (redha Allah) dan juga Baginda SAW telah menyatakan bahawa agama Islam¹⁵ telah sempurna dari segala segi dan hal. Oleh sebab itulah, apa yang telah dihujahkan oleh aliran pendekatan tasawur Islam dalam membentuk komponen-komponen pembangunan yang selari dengan kehendak Islam, bertunjangkan acuan tasawur dan epistemologi Islam yang hakiki harus diikuti. Oleh yang demikian, rombakkan yang dilakukan dalam kedua-dua peringkat iaitu peringkat falsafah dan peringkat operasional dalam membentuk SPI seperti mana yang diperjuangkan oleh aliran pemikiran tasawur Islam adalah tepat

c) Amalan Jahiliah Yang Diterima Pakai Dalam Islam Sebagai Hujah

Aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik juga terkeliru dalam menghujahkan penerimaan amalan Jahiliah dalam Islam oleh Rasulullah SAW menggunakan satu kaedah (*taghyir* dan *takrir*) sebagai hujah dan dalil. Hal ini kerana aliran pemikiran ini, ingin memperkukuhkan pelaksanaan pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik dalam melaksanakan pembangunan berteraskan Islam. Hujah ini juga kurang tepat.

Berhubung perkara ini, iaitu Mohd Shukri Hanapi (2013) dan Mohd Haidzir Auzir (2015) telah membuktikan Islam tidak menerima sebarang amalan Jahiliah tanpa proses rombakkan akar umbi. Tasawur amalan-amalan Jahiliah-Islam tersebut telah dirombak melalui wahyu yang diturunkan kepada Baginda SAW. Penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW pada tahun 610 M menandakan bermulanya zaman Islam. Kedatangan Islam ini telah merobah kehidupan masyarakat Arab Jahiliah. Amat banyak amalan masyarakat Arab Jahiliah yang dihapuskan oleh Islam. Bermula daripada upacara syirik, amalan hidup seharian sehinggalah kepada sekecil-kecil perkara melibatkan cara bergouru dan sebagainya. Namun begitu, tidak semua amalan masyarakat Arab Jahiliah itu dibuang terus, sebaliknya sebahagian daripada amalan masyarakat Arab Jahiliah itu telah diterima pakai dalam Islam. Misalnya tawaf (M. Hasbi Ash Shiddieqy, 2000; Jalaludin Ismail, 2011; Mohd Shukri Hanapi, 2013), perkahwinan (Mustafa Daud, 1991; Idris Musa, 2009; Mustafa Daud, 1991; Mohd Shukri Hanapi, 2013), *zihar* (Mustafa Daud, 1991; Zulhazmin Mohd Nasir, 2010; Mohd Shukri Hanapi, 2013), dalam bidang ekonomi iaitu jual beli (*al-Tijarah*) (Muhammad Asrie Sobrie, 2009; Mohd Shukri Hanapi, 2013) dan *Mudharabah* (Muhammad Umer Chapra, 2000:39; Wiroso, S.E., 2005:34, Mohd Shukri Hanapi, 2013) dan sebagainya.

Sebagai contoh barang gadaian (*al-Rahn*) yang berlaku pada zaman Arab Jahiliah. Apabila telah tamat tempoh pembayaran hutang dan orang yang menggadaikan barangan itu masih belum dapat melunaskan hutangnya kepada pihak yang berhutang *murtahin* (yang digadaikan barang kepadanya), maka pihak *murtahin* akan menyita barang gadaian tersebut secara langsung tanpa meminta izin orang yang menggadaikannya. Lalu Islam membatalkan cara yang zalim ini dan menjelaskan bahawa barang gadaian tersebut adalah sebagai amanat yang diberi kepada *murtahin* dan tidak boleh memaksa orang yang menggadaikan menjualnya. Kecuali dalam keadaan penggadaian itu tidak mampu melunaskan hutang tersebut, apabila sampai kepada tamat tempoh perjanjian, maka barang gadaian tersebut boleh

¹³ Lihat Sahih Muslim (1:397)

¹⁴ Riwayat Muslim (2137) dan Abu Daud (1628). Lihat juga surah al-Ma'idah ayat 3.

¹⁵ Meliputi *Imaniat, Ibadat, Muamalat, Muasyarat* dan *akhlaq* adalah perkara asas dalam Islam.

dijual untuk membayar iaitu melunaskan hutang penghutang. Apabila terdapat lebih dari penjualan barang gadaian itu maka bakinya menjadi hak pemilik barang gadaian (orang yang menggadaikan barang tersebut). Sebaliknya, jika harga barang tersebut belum dapat melunaskan segala hutangnya, maka orang yang menggadaikannya perlu menanggung segala baki hutangnya itu (Abu Hamid al-Ghazali, 1996:520). Amalan-amalan masyarakat Arab Jahiliah yang diterima pakai dalam Islam dapat dilihat dalam Jadual 3.

Jadual 3: Amalan-amalan Masyarakat Arab Jahiliah Yang Diterima Pakai Dalam Islam


Bil.	Jenis Amalan	Konsep Amalan Dalam Jahiliah	Konsep Amalan Dalam Islam
1	Tawaf	Tawaf dilakukan dalam keadaan tidak berpakaian (telanjang) (M. Hasbi Ash Shiddieqy, 2000). Menurut mereka, tawaf tidak boleh dilakukan dengan memakai pakaian yang dipakai untuk berbuat dosa (Jalaludin Ismail, 2011, Mohd Shukri Hanapi, 2013)	Tawaf wajib dalam keadaan menutup aurat. (<i>al-A'raf</i> , 7:31)
2	Perkahwinan	Perkahwinan sebagai permainan belaka (Mustafa Daud, 1991) Seseorang lelaki boleh berkahwin dengan ratusan wanita (Idris Musa, 2009, Mustafa Daud, 1991 & Mohd Shukri Hanapi, 2013). Begitu juga wanita boleh memiliki lebih dari seorang suami (Mustafa Daud, 1991).	Seseorang lelaki hanya dibenarkan berkahwin sehingga empat orang isteri dalam satu masa. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh diamalkan sesuka hati sehingga mengakibatkan kezaliman terhadap kaum wanita (<i>al-Nisa'</i> , 4:3).
3	Zihar (Talak Jahiliah)	Zihar sebagai cara untuk menceraikan isteri. Pada zaman Jahiliah, apabila seseorang suami tidak mahu kepada isterinya, maka jalan penyelesaiannya adalah dengan menziharkan isterinya dengan ibunya (Zulhazmin Mohd Nasir, 2010; Mohd Shukri Hanapi, 2013). Talak ini sebagai penganiayaan bagi wanita (Mustafa Daud, 1991).	Zihar tidak menjatuhkan talak, namun ia hanya dikenakan kaffarah (denda) (<i>al-Mujadalah</i> , 58:1-4)
4	<i>Al-Tijarah</i> (Jual beli)	Dipenuhi riba dan penipuan dalam sukatan dan timbangan (Muhammad Asrie Sobrie, 2009)	Jual beli dihalalkan dan riba diharamkan. Selain itu, Islam menetapkan etika berjual beli seperti sukatan dan timbangan hendaklah tepat dan betul. Allah SWT berfirman maksudnya "mereka berkata sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba..." (<i>al-Baqarah</i> , 2:275)
5	<i>Mudharabah</i> (persamaan, pelaburan atau	Pada zaman Jahiliah, perdagangan yang melintasi wilayah yang jauh dan	Islam mensyariatkan akad kerjasama <i>mudharabah</i> untuk memudahkan orang, kerana sebagian mereka memiliki harta namun

	<p>potongan untuk diberikan kepada pengusaha. Dengan kata lain, <i>mudharabah</i> bermaksud pelabur memberikan modal kepada pihak tertentu untuk diperniagakan dan keuntungannya dibagi dua atau sebahagiannya menurut perjanjian yang telah dipersetujui bersama semasa akad. Manakala kerugian dalam pelaburan tersebut hanya akan ditanggung oleh pihak pelabur dengan syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama)</p>	<p>memakan waktu berbulan-bulan dilakukan secara ekstensif. Perdagangan melibatkan produksi atau import barang-barang daripada satu pihak dan kemudiannya dijual atau dieksport kepada pihak lain. Untuk melakukan semua ini, masyarakat Arab Jahiliah memperkenalkan sistem <i>mudharabah</i>. <i>Mudharabah</i> pada zaman jahiliah dilaksanakan secara bercampur aduk dengan <i>riba</i>, <i>maysir</i> (judi), <i>gharar</i> (ketidakjelasan), ketidakadilan dan kezaliman (Muhammad Umer Chapra, 2000:39; Wiroso, S.E., 2005:34, Mohd Shukri Hanapi, 2013)</p>	<p>tidak mampu mengelolanya. Ada juga orang yang tidak memiliki harta, namun memiliki kemampuan untuk mengelola dan mengembangkannya. Maka syariat membenarkan kerjasama ini agar mereka dapat saling mengambil manfaat antara mereka. <i>Sahib al-Mal</i> (pelabur) memanfaatkan keahlian <i>mudharib</i> (pengelola) dan <i>mudharib</i> pula memanfaatkan harta dan dengan demikian terwujudlah kerjasama harta dan amal (al-Thayar, 1993:122). <i>Mudharabah</i> dalam Islam dipertujui dan diamalkan berdasarkan sunnah (Hadis Riwayat Ibn Majah, 2289). Namun begitu, Islam telah mengstrukturnya semula dengan menghapuskan amalan <i>mudharabah</i> Arab Jahiliah yang mempunyai unsur <i>riba</i>, <i>maysir</i>, <i>gharar</i>, ketidakadilan dan kezaliman (Muhammad Umer Chapra, 2000:39). Untuk itu, Islam memperkenalkan rukun dan syarat <i>mudharabah</i> (Ibn Qudamah, 1991:172-177 & Mohd Shukri Hanapi, 2013).</p>
<p>6</p>	<p><i>Musyarakah (al-Syirkah)</i></p>	<p>Dipenuhi dengan unsur-unsur pengkhianatan misalnya mengkhianati rakan kongsi dengan mengambil sesuatu tanpa haknya (FI. Sugit Suyantoro, 2010).</p>	<p>Firman Allah SWT “..dan sesungguhnya kebanyakan dari orang-orang yang berhubung (bekerjasama dalam pelbagai urusan hidup), sesetengahnya zalim ke atas sesetengah yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh; sedangkan mereka amatlah sedikit..”. (al-Sad , 38:24). Islam melarang unsur-unsur kianat dalam <i>musyarakah</i> iaitu apa yang pernah berlaku dalam <i>musyarakah</i> Jahiliah. Rasulullah SAW bersabda;"Sesungguhnya Allah SWT berfiman, Aku pihak ketiga dari dua orang yang berserikat selama salah satunya tidak mengkhianati lainnya (Abu Dawud: 2936). Berdasarkan hadis ini, jelaslah Allah SWT telah berjanji bersama-sama menjaga dan memelihara pihak-pihak yang berkongsi itu selama mereka saling jujur dan amanah di dalam perniagaan mereka. Berdasarkan nas-nas ini, maka ijma' ulama sepakat mengharuskan kontrak syarikat memandangkan Allah sendiri telah berjanji untuk bersama-sama rakan kongsi yang jujur dan amanah serta berlandaskan hukum-hukum syariah dalam perniagaannya (AS Abdul Aziz, 2002).</p>

7	<i>Al-Qardh</i> (hutang-piutang)	Wujud pemiutang yang meminjamkan wang kepada para saudagar untuk berniaga. Mereka akan menerima pembayaran semula beserta dengan riba dan ada juga yang berhutang tetapi bila membayar hutangnya itu dikurangkan bayarannya (Kamaruzaman Noordin, Fadillah Mansor, Mohd. Rizal Muwazir @ Mukhazir, 2005)	Islam menyarankan akad yang jelas dalam berhutang dan apabila berhutang harus menjelaskan segala nya tanpa mungurungi atau melebihi hutang itu (Kamaruzaman Noordin, Fadillah Mansor, Mohd. Rizal Muwazir @ Mukhazir, 2005).“ Dan hendaklah orang yang berhutang itu mengimlakan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangi sedikit pun “ daripada hutangnya.” (<i>al-Baqarah</i> , 2:282)
8	<i>Al-Rahn</i> (Gadaian)	Pada zaman jahiliah dahulu apabila telah tamat tempoh pembayaran hutang dan orang yang menggadaikan belum menyelesaikan hutangnya kepada pihak pemiutang, maka pihak yang pemiutang menyita barang gadai tersebut secara langsung menyita tanpa izin orang yang menggadaikannya (Abu Hamid al-Ghazali, 1996:520 dan Achmad Kamal Badri, 2010)	“Jika kalian dalam perjalanan (dan bermuamalah tidak secara tunai), sementara kalian tidak memperoleh seorang penulis, maka hendaklah ada barang tanggungan yang dipegang (oleh yang pemiutang)”..(<i>Al-Baqarah</i> , 2:283). Namun Islam membatalkan cara yang zalim, seperti yang ada semasa Jahiliah dan menjelaskan bahwa barang gadai adalah sebagai amanat yang diberi kepada <i>murtahin</i> dan tidak boleh memaksa orang yang menggadaikan menjualnya. Kecuali dalam keadaan penggadai itu tidak mampu melunaskan hutang tersebut, apabila sampai kepada tamat tempoh perjanjian, maka barang gadai tersebut boleh dijual untuk membayar iaitu melunaskan hutang penghutang. Apabila terdapat lebihan dari penjualan barang gadaian itu maka bakinya menjadi hak pemilik barang gadaian (orang yang menggadaikan barang tersebut). Sebaliknya, jika harga barang tersebut belum dapat melunaskan segala hutangnya, maka orang yang menggadaikannya perlu menanggung segala baki hutangnya itu (Abu Hamid al-Ghazali, 1996:520)

Jadual 3 ini menunjukkan lapan amalan-amalan masyarakat Arab Jahiliah yang telah diterima pakai dalam Islam, tawaf, perkahwinan, *zihar* (talak jahiliah), jual beli (*al-Tijarah*), *mudharabah*, *musyarakah* (*al-Syirkah*), *al-Qard* (penghutang dan pemiutang) dan *al-Rahn* (gadaian). Sebenarnya, lapan amalan-amalan masyarakat Arab Jahiliah yang dikenal pasti dalam kertas kerja ini hanya sebahagian daripada amalan-amalan masyarakat Arab Jahiliah yang diterima pakai dalam Islam. Ia sudah memadai untuk membuktikan berlakunya rombakan pada struktur akar umbi amalan Jahiliah tersebut sebelum ia diterima pakai dalam Islam. Proses rombakan yang berlaku dapat dilihat dalam rajah 1.

Rombakkan yang berlaku tentang tasawur amalan Arab Jahiliah-Islam ini dapat digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Proses Rombakan Struktur Akar Umbi Amalan Arab Jahiliah-Islam

Nota: Dipetik daripada Mohd Shukri Hanapi (2013)

Rajah 1 ini menunjukkan Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW itu telah merombak tasawur amalan Arab Jahiliah dan menggantikannya dengan tasawur Islam, iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Rombakan tasawur ini telah memberikan kesan yang positif kepada aspek tasawur, konsep dan operasional amalan-amalan pembangunan Arab Jahiliah yang diterima pakai dalam Islam.

Jelaslah bahawa Islam sama sekali tidak menerima amalan-amalan Arab Jahiliah itu secara bulat-bulat tanpa sebarang rombakan pada struktur akar umbi dan konsepnya. Meskipun ia nampak ada sedikit persamaan pada aspek nama amalan tersebut, namun struktur akar umbinya telah dirombak dan digantikan dengan tasawur Islam. Rombakan ini sebenarnya telah membawa perubahan kepada aspek konsep dan operasional amalan-amalan Arab Jahiliah tersebut. Dalam perkataan lain, konsep dan operasionalnya menuruti acuan tasawur Islam. Dengan itu, lahirlah amalan-amalan pembangunan yang beracukan syariat Islam, selari dengan apa yang diturunkan kepada Rasulullah SAW. Amalan-amalan ini berbentuk ibadah dan akhlak yang berpaksikan akidah dan syariat Islam tanpa ada percampuran unsur-unsur tasawur jahiliah dari amalan-amalan Arab Jahiliah yang telah diguna pakai dalam Islam. Jika diibaratkan sebatang pokok, akar tunjangnya ialah akidah, akar-akar lain ialah ibadah dan batangnya ialah akhlak. Daripada semua inilah lahirnya dahan-dahan dan ranting-ranting, iaitu konsep dan operasionalnya.

Oleh itu, aliran pendekatan tasawur Islam yang bersifat 'pembungkahan' ini tidak sama dengan aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologi yang hanya merombak aspek operasional sahaja. Sebenarnya, ahli-ahli pembangunan Islam arus perdana yang mendukung aliran

pendekatan akomodatif-modifikasi dan eklektisme-metodologik ini terkeliru tentang perbezaan antara peringkat falsafah dengan peringkat operasional SPI itu sendiri. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2011) sebagaimana yang dibincangkan sebelumnya, peringkat falsafah PBI mencakupi komponen-komponen yang menjadikan terbinanya kerangka PBI. Dalamnya terkandung tasawur, dasar falsafah dan definisi konsep-konsep SPI. Peringkat operasional pula mencakupi nilai-nilai, teori-teori, peralatan, dan kaedah-kaedah pelaksanaan. Ia merupakan komponen-komponen yang membolehkan SPI itu direalisasikan. Antara kedua-dua peringkat ini, tunjangnya adalah peringkat falsafah atau tasawur bertaskan Islam, manakala komponen-komponen dalam peringkat operasional akan terbentuk mengikut tunjang falsafahnya. Jika hanya komponen-komponen dalam peringkat operasional yang dipilih-pilih, diakomodasi dan seterusnya dimodifikasi mengikut Islam sedangkan kerangkanya diperingkat falsafah dibiarkan tetap bertunjangkan kepada kerangka pendidikan dan kefahaman konvensional, maka komponen-komponen dalam peringkat operasional tersebut tidak akan menjadi Islam secara hakiki.

KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam makalah ini, didapati aliran pemikiran bagi pendokong pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik adalah tidak tepat diguna pakai dalam melaksanakan SPI. Hal ini kerana pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik tidak membawa dan mengikut acuan tasawur Islam yang sebenar. Pendekatan ini masih mengguna pakai falsafah SPL dengan memodifikasikannya serta mengubah suainya selari kepada Islam. Juga tidak merombak akar umbi falsafah tersebut. Malah boleh dikatakan satu aliran yang salah dan bertentangan dengan Islam. Oleh itu aliran pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik yang menjadi dominan dikalangan sarjana SPI arus perdana iaitu cenderung kepada pemusatan Barat dan pemusatan Eropah harus diubah. Selagi tidak merombak tunjang akar umbi pembangunan itu melalui tasawur Islam selagi itulah SP tersebut tidak dapat mencapai matlamatnya yang hakiki. Pemikiran inilah yang diperjuangkan oleh Muhammad Syukri Salleh dengan menolak pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik dan merintis pendekatan pembungkahan akar umbi dalam pelaksanaan PBI.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2011 & 2014), pendekatan 'pembungkahan' yang dibawa oleh aliran pemikiran tasawur Islam sepatutnya diguna pakai dalam merealisasikan pelaksanaan SPI pada masa kini. Tindakan memilih-milih perkara yang dirasakan baik dari pelbagai sumber dan menggunakannya secara kolektif dalam membentuk serta melaksanakan SPI adalah tidak betul. Tidak mungkin SPI tulen dapat dibina dan dilaksanakan selagi tasawurnya itu masih bertunjangkan kepada falsafah atau tasawur SPL.

RUJUKKAN

- Abd. Salam Arif (2004). Politik Islam antara akidah dan kekuasaan negara. Yogyakarta, Indonesia: SR-Ins Publishing.
- Abdil Mughis Mudhoffir (2013). Teori kekuasaan Michel Foucault: Tantangan bagi sosiologi politik. *urnal Sosiologi Masyarakat*. Vol. 18, No. 1, Januari 2013: 75-100.
- Abdurrahman Wahid (1999). Membangun demokrasi. Bandung, Indonesia: Rosdakarya.
- Ajat Sudrajat (2002). Agama dan perilaku politik. *Jurnal Humanika: UPT MKU-UNY*. No. 1. Th. 1. 2002.

- Ansori (2011). Kearifan Tradisi al-Qur'an dalam Proses Enkulturasasi Budaya Lokal. Purwokerto, Indonesia: STAIN
- Anuar Abbas (2008). Bung Hatta & Ekonomi Islam – Pergulatan Menangkap Makna Keadilan dan Kesejahteraan, Jakarta, Indonesia: LP3M STIE Ahmad Dahlan Jakarta & Fakultas Hukum Universitas Muhammadiyah Jakarta.
- Asyraf Wajdi Dusuki (2013). Kedinamikan Islam Terima Perubahan. 14 Ogos 2013: Sinar Harian.
- B. F. Skinner (1971). *Beyond freedom and dignity*. England: Penguin Books.
- Emile Durkheim (1982). *The rules of sociological method*. (Ed.) Steven Lukes (T)W. D. Hall. United States of America: The Free Press.
- Fikria Najitama (2007). Sejarah Pergumulan Hukum Islam dan Budaya serta Implikasinya bagi Pembangunan Hukum Islam Khas Indonesia. Yogyakarta, Indonesia: Al-Mawarid Edisi XVII.
- George Ritzer (1985). *The rise of micro-sociological theory*. *Sociological Theory*. American Sociological Association. Vol. 3, No. 1 (Spring, 1985), pp. 88-98
- Haron Din. 1992. Tasawwur Islam. Shah Alam: Pustaka Hizbi.
- Hayat (2013). Teori konflik dalam perspektif hukum Islam: Interkoneksi Islam dan sosial. Hunafa: Jurnal Studia Islamika. Vol. 10, No. 2, Desember 2013: 268-292.
- Ibn Kathir, Abi al-Fida' al-Hafiz al-Dimasyqiy. (1999). Tafsir al-Qur'an al-Azim, Jilid 2. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibrahim M. Abu Rabi (2001). Islamic liberalism in the Muslim Middle East. *Jurnal Handard Islamicus*, Vol. XII, No. 4, 1989, hlm. 16.
- Ilyas Ba-Yunus (1989), Sosiologi dan realiti sosial umat Islam" dim. I.R. Al-Faruqi & A.O. Naseef, Sains Sosial Dan Sains Tuten, (terj.), Mohamad Rafie Abdul Malek. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joseph Roucek & Rolan Werren (1984). *Sosiologi An Introduction*. terj. Sehat Simamora. Jakarta: PT. Bina Aksara.
- K.H. Abdurrahman Wahid (1999). Islam, Negara, dan demokrasi. Indonesia: Erlangga.
- Kamarudin Salleh (2012). Transformasi pemikiran pembaharuan dan modenisme di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought* Vol. 2: (Dec. 2012)
- M. Hasbi Ash shiddieqy (2000). Tafsir al-Qur'an majid. An-Nuur: Surat 5-10. (T.). Semarang, Jawa Tengah: Pustaka Rizki Putra.
- Moh. Yuditrinurcahyo (2005). Kajian persepsi masyarakat terhadap rencana umum tata ruang Kota Kendal. TESIS. Disusun Dalam Rangka Memenuhi Persyaratan Program Studi Magister Teknik Pembangunan Wilayah dan Kota. Program Pascasarjana Universitas Diponegoro Semarang Indonesia.
- Mansor Md Isa (2009). Ekonomi Islam: Perspektif dan Cabaran. *Islamic Banking Encyclopedia*. Diakses pada 4 April 2014 <http://www.iefpedia.com/malay/?p=35>
- Mohd. Kamal Hassan (1993). The Islamic World-View, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar On Islam and Its World-View: An American Perception, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan The Malaysian-American Commission on Education Exchange, di Hotel Pan Pasific, Kuala Lumpur, 19 Ogos.
- Mohd Haidzir Auzir (2015). Acuan Ekonomi Islam: Daripada Tasawur Jahiliah Kepada Tasawur Islam (t.t) -Kertas kerja yang dibentangkan di *International Conference and PhD Colloquim on Islamic Economics and Finance 2015 (ICIEF)*, anjuran Universitas Airlangga (UNAIR) dan Universitas Mataram, Indonesia pada 25 hingga 27 Ogos 2015, bertempat di Hotel Lombok Raya, Mataram. Indonesia.
- Mohd Haidzir Bin Auzir (2016). Pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat eklektisme-metodologik dalam melaksanakan pembangunan berteraskan Islam: analisis pemikiran Muhammad Syukri Salleh. Makalah yang disediakan untuk *The 11th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2016)*, anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dengan kerjasama Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Sains Malaysia pada 26&27 Oktober 2016, di Dewan Persidangan Universiti (DPU), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mohd Shukri Hanapi (2013). Tasawur Islam dan Pembangunan. Kuala Lumpur: Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Shukri Hanapi (2013). *From Jahiliyyah To Islamic Worldview: In Search Of An Islamic Educational Philosophy*. Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Shukri Hanapi (2014). *Tasawur Ekonomi Islam*, (ed.) Bagus Sigit Sunarko & Zakaria Bahari, Kertas Kerja di Konferansi Internasional Pembangunan Islam 1 (KIPI 1), Universitas Jember, Jawa Timur, Republik Indonesia.
- Mohsen Abd al-Hamid (1989), *Al-Islam wa al-Tanmiyyah al-Ijlimaliyyah*. Jeddah: Dar al-Manarah, Jeddah. 1989, him. 6.
- Mohsen Abd al-Hamid (1983). *al-Madhabiyah at-Islamiyyah wa al-Taghyir al-Hadari*. Qatar: Kitab al-Ummah.
- Muhammad Nasri Md Hussain & Ab. Aziz Yusof. 2005. *Pengurusan Sumber Manusia dari Perspektif Islam*. Petaling Jaya: Pearson.
- Muhammad Nasrul Fani (2009). *Pemikiran politik Islam (Studi pemikiran Abdurrahman Wahid dan Nurcholis Madjid)*. Skripsi diajukan kepada Fakultas Syari'ah Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta bagi memenuhi sebahagian dari syarat-syarat memperoleh gelaran strata satu dalam ilmu hukum Islam. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia.
- Muhammad Ramadhan (2007). *Sosialisme Religius Mohammad Hatta (Melacak Akar Sistem Ekonomi Islami di Indonesia)*". Dlm. Azhari Akmal Tarigan, Muhammad Ramadhan, M. Yafiz, M. Ridwan & Zulham, eds., *Pergumulan Ekonomi Syariah di Indonesia – Studi Tentang Persentuhan Hukum dan Ekonomi Islam*, Bandung, Citapustaka Media.
- Muhammad Syukri Salleh. 2002. *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. 2003a. *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh. 2003b. *Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam: Konsep dan Perkaedahan (Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. 2008. *Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*, *Pemikir*, Bil. 54, Oktober-Disember. hlm. 133-164.
- Muhammad Syukri Salleh (2011). *Islamic Economics Revisited: Re-contemplating Unresolved Structure and Assumptions*, 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, Center for Economics and Finance, Qatar Faculty of Islamic Studies, Qatar Foundation.
- Muhammad Syukri Salleh (2012). *Pemikiran Ekonomi Islam Melayu*, kertas kerja yang dibentangkan di Konferensi Internasional Islam di Alam Melayu, anjuran Program Pasca Sarjana UIN Sunan Gunung Djati Bandung (PPS UIN SGD) dengan kerjasama Akademi Siswazah Universiti Malaya, Malaysia (APIUM), di Gedung Merdeka Bandung, Indonesia, 20-22 November.
- Musdah Mulia (2001). *Negara Islam pemikiran politik Husain Haikal*, Jakarta: Paramadina, hlm. 47.
- Mustafa Hj Daud (1991). *Perkahwinan Menurut Islam*. Siri Islam dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Muji Mulia (2011). *Sejarah sosial dan pemikiran politik Ali Abdul Raziq*. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*. Volume X, No. 2, Februari 2011
- Nazrina Bakar (2015). *Pendekatan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. Diekses pada 2 Januari 2015. daripada: <http://www1.kkmas.edu.my/v1/images/pdf/PENDEKATAN-DLM-PROSES-PNP-2.pdf>
- Najmuddin Shuhawi (1977). *Rusum Jahiliyyah*. Lahore: Urdu Bazar.
- Nur Chamid MM (2010). *Jejak Langkah Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. Celeban Timur.
- Nurcholish Wadjid (2000). *Islam, doktrin dan peradaban: sebuah telaah kritis tentang masalah keimanan, kemanusiaan dan kemodenan*. Jakarta: Paramadina.
- Nurani Soyomukti (2007). *Pengantar Sosiologi*. Yogyakarta, Pustaka Pelajar.

- Philip K. Hitti (2002). *History of The Arabs: From the Earliest Time To The Present*. New York. Terj.R. Cecep Lukman & Rudi Slamet Riyadi (2012). Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Rahimah Sabran & Rahim Syam (1985). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling jaya: Fajar Bakti.
- Rahimah Abdul Aziz (2001). *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlan Surbakti (1992). *Memahami ilmu politik*. Jakarta: PT Gramedia. hlm 144.
- Ramlan Surbakti (1999). *Memahami ilmu politik*. Jakarta: Grasindo. Hal 130
- Ramli Awang. 1997. *Tasawwur Rabbani Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah*. Cet. Pertama. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Ramli Awang (1997). *Tasawwur Rabbani menurut al-Qur'an dan al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Sapta Wahyono (2010). *Demokratisasi di Indonesia (Studi komparatif pemikiran Abdurrahman Wahid dan Nurcholis Wadjid)*. Skripsi diajukan kepada Fakultas Adab Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta bagi memenuhi syarat guna memperoleh gelar sarjana humaniora (S.Hum). Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia
- Sayyid Qutb (t.t). *Khasais al-Tasawur al-Islami ma Muqawimatuh*. Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Siti Aminah Caniago (2010). *Kepemimpinan Islam dan konvensional (Sebagai studi perbandingan)*. Jurusan Tarbiyah STAIN Pekalongan, Jl. Kusumabangsa No. 9. RELIGIA Vol. 13, No. 2, Oktober 2010. Hlm. 239-254.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1984). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wiroso, S.E. (2005). *Penghimpunan dana dan distribusi hasil usaha bank syariah*. Jakarta: Penerbit PT Grasindo.